

RANCANGAN PERNIAGAAN

ETR 300

"IDEA LANSKAP"

ITM MELAKA

PENGHARGAAN

Al-Hamdulillah, bersyukur kami ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya beserta berkat manfaat semua pihak di dalam menyempurnakan Rancangan Perniagaan ini bagi matapelajaran ETR 300 dengan jayanya.

Penghargaan ini adalah ditujukan kepada semua rakan kongsi di atas usaha, kerjasama, komitmen dan kesungguhan yang telah diberikan. Ribuan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan projek ini terutamanya :-

- i. Tuan Haji Jamaludin Bin Bujang
Pensyarah ETR 300
ITM Melaka
- ii. Arkitek Ismail Othman
No 48, Jalan Cempaka 1
Taman Seri Cempaka
Melaka
- iii. Semua pensyarah yang terlibat
ITM Melaka
- iv. MEDEC
ITM Melaka
- v. Semua pemilik perniagaan yang bekerjasama.
- vi. Keluarga dan rakan

Segala tunjuk ajar, maklumat, sokongan dan nasihat yang diberikan dalam menyediakan Rancangan Perniagaan ini amat dihargai. Semoga Rancangan Perniagaan ini boleh menjadi panduan kepada mereka yang berminat pada masa hadapan.

SEKAPUR SIREH

Assalamualaikum warahmatullah b.t

Al-Hamdulillah, bersyukur kami ke hadrat Allah S.W.T kerana limpah dan kurnianya kami dapat menyempurnakan tugasan Rancangan Perniagaan kami iaitu Syarikat IDEA LANSKAP yang berbentuk perkhidmatan perunding landskap dan rekaan pelan tepat pada masanya. Berkat usaha yang bersungguh-sungguh, kesabaran, kerjasama, sikap bertanggungjawab dan tunjuk ajar yang sempurna daripada pensyarah kami iaitu Tuan Haji Jamaludin bin Bujang, kami telah berjaya melepassi pelbagai cabaran dalam menjayakan tugasan yang diamanahkan ini.

Tugasan yang diamanahkan ini bukanlah satu bebanan sebenarnya, tetapi lebih bersifat suatu cabaran positif yang membina. Dalam menghasilkan tugasan ETR 300 ini, kami telah dilatih untuk berfikir dan bergerak dalam merencanakan sesuatu perancangan secara berkumpulan. Dari sinilah bermulanya pengorbanan setiap individu tidak kira daripada segi tenaga mahupun wang ringgit malah lebih kepada menuntut kesabaran dari setiap ahli kumpulan.

Rancangan Perniagaan yang kami hasilkan ini juga kami anggap sebagai sumbangan kecil kami dari aspek keilmuan. Sebagai manusia biasa, kami akui masih banyak kesilapan dan kelemahan yang wujud dalam tugasan kami ini. Oleh yang demikian, kami amat mengalu-alukan sebarang teguran membina untuk kami perbaiki di masa akan datang.

Kami amat berharap Rancangan Perniagaan ini akan dapat memenuhi serta menepati kehendak pihak-pihak yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

MISI PERNIAGAAN

1. Misi IDEA LANSKAP adalah untuk meluaskan perkhidmatan kami keseluruh tanah air dan mengkormersilkannya memandangkan perkhidmatan sebegini jarang sekali di ceburi lebih-lebih lagi dari kalangan bumiputera untuk bersaing yang bukan bumiputera. Di samping itu, misi kami adalah untuk mempelopori satu bidang perkhidmatan perunding landskap dan rekaan pelan bumiputera yang pertama di negeri Melaka.
2. Dengan ini kami akan menubuhkan perniagaan yang akan mula beroperasi pada 1 Januari 2010.
 - a) Perkhidmatan perniagaan kami tertumpu kepada empat golongan pelanggan utama iaitu kerajaan, swasta, badan-badan korporat dan individu tertentu.
 - b) IDEA LANSKAP adalah sebuah perniagaan yang berbentuk perkhidmatan rundingan landskap dan rekaan pelan.
 - c) Pasaran perniagaan kami tidak tertumpu di sekitar Melaka sahaja sebaliknya kami juga meluaskan pasaran ke seluruh Malaysia lebih-lebih lagi petempatan yang baru dibuka dan hendak dibangunkan.
 - d) Perniagaan kami menggunakan peralatan yang berteknologi tinggi, bagi memudahkan pengurusan dan operasi kami. Peralatan tersebut ialah seperti mesin ‘pleded’ yang berfungsi menghasilkan pelan berwarna bersaiz A1 yang berkualiti, tepat dan diyakini dapat memenuhi kehendak pelanggan.